

COPY



Rujukan Kami : FeMAC/002/2018
Tarikh : 05 Januari 2018



YBHG DATO' DR GHAZALI BIN ABAS
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Pejabat Ketua Setiausaha,
Aras 9, Blok D3, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62350 Putrajaya.

Salam Negaraku dan Salam 1 Malaysia,

YBhg Dato' Dr,

**PER: PENYERAHAN KERTAS CADANGAN UNTUK MENDAPATKAN
PERUNTUKKAN TAMBAHAN MELALUI PERBADANAN TABUNG
PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BAGI PUSAT-PUSAT BERTAULIAH
SWASTA DI BAWAH JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN,
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Terlebih dahulu pihak FeMAC ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg Dato' Dr yang sudi menerima kunjungan hormat daripada kami dan mempengerusikan mesyuarat dalam membincangkan halatuju pembangunan bersama Exco Pengurusan FeMAC pada 29 November 2017 yang lalu.
3. Di dalam mesyuarat tersebut, YBhg Dato' Dr telah memberi arahan kepada pihak FeMAC untuk membuat satu kertas cadangan dan dihantar kepada YBhg Dato' Dr sendiri untuk diteliti dan dikaji. Sehubungan dengan itu, bersama ini dilampirkan kertas cadangan daripada FeMAC iaitu Kertas Cadangan untuk Mendapatkan Peruntukan Tambahan Melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran bagi Pusat-Pusat Bertauliah Swasta di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

PERSEKUTUAN PUSAT BERTAULIAH JPK MALAYSIA (FeMAC)

(Federation of JPK Accredited Centers, Malaysia)

Unit 2-12, Tiara Mutiara, No. 139 Batu 6, Jalan Puchong, 58200 Kuala Lumpur.

Tel: +603-7772 6655 Fax: +603-7772 6655

Email: operation@femac.org.my Website: www.femac.org.my

4. Oleh yang demikian, besarlah harapan kami untuk mendapat maklumbalas positif daripada pihak YBhg Dato' Dr mengenai perkara ini. Sekiranya pihak YBhg Dato' Dr mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, boleh lah hubungi Setiausaha Agung FeMAC, En Mohamad Farid bin Ismail ditalian 019-3818855 atau melalui emel di operation@femac.org.my.

Kerjasama daripada YBhg Dato' Dr mengenai perkara ini kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

Yang Benar,



P.Sailanathan
Presiden



TAJUK :

CADANGAN UNTUK MENDAPATKAN PERUNTUKKAN TAMBAHAN MELALUI PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BAGI PUSAT-PUSAT BERTAULIAH SWASTA DI BAWAH JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA.

KEPADA :

**YBHG DATO' DR GHAZALI BIN ABAS
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH :

**PERSEKUTUAN PUSAT BERTAULIAH JPK MALAYSIA
(FeMAC)**

Tarikh :

05 Januari 2018

Tajuk :

Cadangan untuk Mendapatkan Peruntukkan Tambahan Melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran kepada Pusat-Pusat Bertauliah Swasta di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

1.0 Tujuan

Tujuan kertas kerja ini adalah bagi membantu negara mencapai sasaran 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi daripada pelbagai bidang dikalangan warga kerja tempatan menggunakan program TVET selaras dengan hasrat menjadikan Malaysia Negara Maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Dalam usaha kerajaan mencapai sasaran RMK-11 iaitu Meningkatkan Modal Insan, Malaysia harus bersedia dengan cabaran Revolusi Perindustrian Keempat dimana akan banyak menggunakan automasi dan pada masa yang sama ia mampu mewujudkan pelbagai cabang perniagaan yang memerlukan lebih ramai lagi pekerja berkemahiran tinggi.

2.0 Latar Belakang

2.1 Persekutuan Pusat Bertauliah

Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia atau FeMAC merupakan sebuah gabungan Pusat Latihan Bertauliah Swasta (PB) yang ditubuhkan dibawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada 28hb Julai 2004. FeMAC kini mempunyai seramai 350 Pusat Bertauliah Swasta yang berdaftar sebagai ahli yang menjalankan pelbagai program SKM, DKM dan DLKM dalam 29 sektor utama Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia. Pusat-pusat Bertauliah Swasta telah mewujudkan lebih kurang 20 ribu pekerja mahir dalam pelbagai bidang berkaitan setiap tahun melalui peruntukkan/dana daripada PTPK. *(Sila rujuk lampiran 1)*

2.2 Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)

PTPK merupakan salah satu agensi yang sangat penting kepada Pusat Bertauliah swasta. Ini kerana dengan adanya peruntukkan/dana daripada PTPK, Pusat bertauliah swasta mampu mengeluarkan pelatih yang berkemahiran mengikut kehendak industri Malaysia.

2.3 Peruntukan Dana Pembangunan Kemahiran RMK10

Mengimbas kembali dalam Rancangan Malaysia Ke 10 (RMK10 iaitu 2010-2015), dana peruntukkan PTPK adalah lebih kurang RM400 juta setahun dimana RM200 juta daripada EPU, RM100 juta daripada Pemandu dan RM100 juta dana kutipan bayaran balik. Pada ketika itu, jumlah pusat bertauliah swasta kurang daripada 350 buah sahaja. Ia menjadikan peruntukkan tersebut mencukupi untuk semua PB pada ketika itu. *(Sila rujuk lampiran 2)*

2.4 Peruntukan Dana Pembangunan Kemahiran RMK11

Bagi Rancangan Malaysia ke 11 (RMK11 iaitu 2016-2020), peruntukan dana adalah sebanyak RM 1 Billion untuk pusat kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia dimana ini bermaksud PTPK hanya menerima peruntukkan sebanyak RM 200 juta setahun. Selain itu, Peruntukkan PEMANDU untuk PTPK juga tidak disalurkan lagi.

2.5 Isu kekurangan Dana

Namun begitu melalui pembentangan Bajet 2017, peruntukkan untuk PTPK hanyalah RM200 juta sahaja. Perkara ini amat kritikal memandangkan jumlah pelatih yang memohon adalah seramai 76,724 pelatih yang menelan belanja lebih kurang sebanyak RM1, 018 billion. Dana tersebut hanya mampu membiayai lebih kurang 17,000 pelatih dana amat jauh bagi mencapai sasaran 35% bilangan tenaga mahir. *(Sila rujuk lampiran 3)*

Begitu juga perihalnya melalui Bajet 2018 yang telah diumumkan dimana peruntukkan PTPK hanyalah RM175 juta dan tambahan RM 50 juta daripada dana bayaran balik menjadikan jumlah peruntukkan adalah sebanyak RM

225 juta sahaja yang hanya mampu membiayai 11,666 orang pelatih swasta dan 3,333 orang pelatih awam. (*Sila rujuk lampiran 4*)

3.0 Objektif

Objektif kertas kerja ini adalah :

- i. Membangunkan tiga puluh lima peratus (35%) pekerja mahir berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 untuk memenuhi permintaan tenaga mahir yang dilatih oleh Pusat-pusat bertauliah swasta dibawah FeMAC.
- ii. Mempromosi TVET sebagai aliran perdana di pusat-pusat latihan untuk mencapai sasaran diatas.
- iii. Melahirkan lulusan TVET dalam bidang perniagaan, Technopreneurship, Teknousahawan, dan pekerja mahir sebagai memenuhi keperluan Gelombang Revolusi Industri Keempat (Industri 4.0) Negara.
- iv. Mengurangkan kebergantungan tenaga buruh asing dengan membantu industri-industri menggunakan sistem automasi.
- v. Mewujudkan Tabung Pendidikan Terkumpul berterusan (*Pool Fund*) bagi mengatasi kekurangan dana tabung pendidikan dan latihan berterusan.
- vi. Mengatasi masalah kutipan akaun tertunggak untuk menyokong *Pool Fund* dan mengurangkan bajet pendidikan dan latihan kemahiran kerajaan.

4.0 Isu yang dihadapi

4.1 Jumlah peruntukkan dana PTPK tidak mencukupi.

Berdasarkan analisa yang telah dilakukan oleh FeMAC yang melibatkan 108 buah pusat bertauliah swasta ahli FeMAC pada November 2017, permintaan pelajar lepasan sekolah bagi tahun 2018 diunjurkan seramai 25,350 pelatih yang memerlukan peruntukkan sekurang-kurang RM 312 juta. (*Sila rujuk lampiran 5*).

Analisis yang telah dilakukan ini bercanggah dengan jumlah peruntukkan yang telah diberikan kepada PTPK iaitu RM 225 juta sahaja dimana perbezaan yang diperlukan adalah sebanyak RM87 juta. FeMAC sendiri mempunyai 350 ahli dan anggaran pelatih yang memerlukan peruntukkan adalah lebih daripada analisa yang telah dilakukan.

Statistik juga menunjukkan diantara 45% pelajar lepasan SPM memilih bidang kemahiran dimana 60,000-80,000 pelajar melanjutkan pelajaran ke **Institut latihan kemahiran swasta** dan mereka merupakan golongan B40 serta mempunyai keputusan SPM yang kurang cemerlang. *(sila rujuk lampiran 6)*

- 4.2 Pusat bertauliah swasta perlu secara terus menerus melabur dan menaiktaraf fasiliti bagi melatih tenaga mahir yang berkualiti untuk memenuhi permintaan NOSS.
- 4.3 Peruntukkan diberikan tidak berdasarkan kepada penarafan bintang
- 4.4 Kos operasi yang semakin meningkat
- 4.5 Pelaburan dalam pembangunan kakitangan pusat bertauliah yang professional dan terlatih dengan pendedahan industri.
- 4.6 Struktur yuran yang rendah dan perlu dinilai semula.
- 4.7 Kuota diberikan bukan berdasarkan kapasiti.

5.0 Cadangan Mencapai Sasaran

- 5.1 Jumlah peruntukkan PTPK ditingkatkan daripada RM200 juta setahun kepada RM900 juta setahun bagi melatih 60,000 pelatih mulai tahun 2018

bagi program latihan kemahiran lepasan sekolah melalui skim pinjaman latihan kemahiran yang diurus oleh PTPK. *(Sila rujuk lampiran 7)*

- 5.2 Mewujudkan insentif-insentif galakan pelaksanaan Kerjasama Awam dan Swasta / *Public Private Partnership* (3P) dalam melaksanakan TVET terutama Persijilan Kemahiran Malaysia seperti kaedah *buying places* dan dana pembangunan kapasiti bagi PB Swasta.
- 5.3 Meningkatkan dana program TVET bagi golongan B40 daripada RM 40 Juta kepada RM 100 Juta setahun dimana peruntukkan ini membolehkan mereka meningkatkan lagi kemahiran mereka melalui up-skilling and re-skilling sekaligus dapat meningkatkan pendapatan mereka melalui program Recognition of Prior Experiential Learning.
- 5.4 Menyediakan dana pembangunan tenaga pengajar keperingkat lebih tinggi seperti Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) bagi melatih 5 ribu tenaga pengajar mahir dibawah FeMAC dengan peruntukkan sebanyak RM 100 juta bagi tempoh RMK-11.
- 5.5 Tidak memberikan lesen kepada PB-PB swasta yang baru (Moratorium) kecuali sektor-sektor kritikal yang menyumbang kepada Industri 4.0.

6.0 Impak Kepada Cadangan Program

6.1 Kelebihan Kepada Negara

- i. Membantu matlamat kerajaan mencapai 35% pekerja mahir dalam pelbagai bidang menjelang tahun 2020 yang hanya berbaki dua (2) tahun dimana pada tahun ini masih 28% bilangan pekerja mahir. *(Sila rujuk lampiran 8)*
- ii. Dapat merealisasikan matlamat kerajaan bagi Transformasi Nasional TN50 dalam melahirkan tenaga buruh yang berdaya saing di peringkat global.

- iii. Pembiayaan yang diberikan kepada pelatih adalah berbentuk pinjaman, sehubungan dengan itu kerajaan akan mendapat semula melalui kutipan bayaran balik.
- iv. Statistik pengangguran menurun dengan Gelombang Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) yang mewujudkan 1.5 juta peluang pekerjaan.
- v. Peningkatan ekonomi negara dengan statistik isi rumah golongan B40 kearah masyarakat kelas pertengahan.
- vi. Gejala sosial di kalangan remaja seperti pecah rumah, mencuri, hamil luar nikah, membunuh, dadah dan sebagainya dapat dibendung seterusnya menurunkan kadar jenayah di Malaysia.
- vii. Mengurangkan kebanjiran warga asing kerana pertambahan pekerja mahir yang dapat mengendali automasi dan memenuhi permintaan pasaran pekerjaan.
- viii. Mengurangkan pengaliran wang tunai keluar negara kerana dihantar pulang oleh pekerja asing.
- ix. Mengalakkan pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran.
- x. Penetapan *standard* bayaran gaji untuk lepasan pekerja mahir dapat dibuat.
- xi. Dapat mengeksploit tenaga mahir kerana pekerja mahir setanding dengan negara-negara maju.

6.2 Kelebihan Kepada Pusat Bertauliah Swasta

- i. Dapat menampung perbelanjaan operasi Pusat Bertauliah.
- ii. Pusat Bertauliah dapat mewujudkan peluang pekerjaan seperti tenaga pengajar dan bidang professional.
- iii. Membekalkan kualiti pendidikan yang baik kepada pelatih seterusnya dapat menobatkan institusi yang cemerlang.

6.3 Kelebihan Kepada Pelatih

- i. Pendapatan isi rumah semakin meningkat.
- ii. Peluang kerjaya yang cerah.
- iii. Memupuk semangat belajar di dalam bidang kemahiran yang diceburi.
- iv. Mengelakkan pelatih terjerumus dalam kancuh masalah sosial.
- v. Menggalakkan pelatih menceburi bidang keusahawanan dengan kemahiran yang mereka ada.

7.0 Rumusan

Sehubungan dengan itu, bagi mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 serta menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0, maka proses implementasi TVET yang haruslah berada di landasan yang betul dimana pihak kerajaan memainkan peranan yang penting dalam mencapainya.

Cadangan yang diserahkan ini bukan sahaja mampu menghasilkan tenaga kerja mahir tempatan, terutama terlibat secara langsung dalam membangunkan projek-projek infra-rakyat yang bertaraf dunia seperti MRT, ECRL, Lebuhraya Pan Borneo, High Speed Rail bahkan berupaya membawa Malaysia ke hadapan melangkaui negara-negara maju yang lain.

Sehubungan dengan itu, besarlah harapan kami agar cadangan kami daripada golongan swasta dapat dipertimbangkan dengan teliti dan sewajarnya.

Sekian, Terima Kasih.


Disediakan oleh,

**P.Sailanathan
Presiden**


LAMPIRAN

STATE	NUMBER OF FeMAC
KUALA LUMPUR	39
SELANGOR	103
NEGERI SEMBILAN	26
MELAKA	19
JOHOR	59
PERAK	20
PULAU PINANG	10
KEDAH	6
PERLIS	-
KELANTAN	6
TERENGGANU	25
PAHANG	9
SABAH	21
SARAWAK	7
TOTAL	350

FeMAC CENTERS



PTPK FUNDING UNDER **RMK-10**



PTPK LOAN APPROVED FOR YEAR 2017 (RMK-11)



SOURCE : PTPK


Cadangan Agihan Kuota 2018



Lampiran 5

FUNDING NEEDED FOR 2018

(Analysis done on 108 FeMAC member centers in November 2017)



Source: Analysis done on 108 member centers in November 17

SPM SCHOOL LEAVERS FOR TVET

202,500

STUDENTS

45%

120,000 – 140, 000

ILKA


60,000 – 80,000

ILKS

This is the target market of FEMAC members:

- a) B40 category
- b) Students with poor SPM results

THE WAY FORWARD



Why fund TVET?

